

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

SBP311 - Perancangan Projek Pembangunan

Tarikh: 26 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
(3 jam)

Jawab EMPAT (4) daripada tujuh soalan-soalan berikut:

Jawapan hendaklah ringkas dan objektif. Tulisan kabur dikenakan potongan markah.

Setiap soalan mempunyai jumlah markah yang sama.

1. Secara umum terdapat empat jenis penilaian (appraisal) sesuatu pelaburan projek, iaitu penilaian pasaran, teknikal, kewangan dan sosio-ekonomi. Andaikan pemerintah kini sedang merancang pembinaan satu sistem pengangkutan ringkas rel pantas yang menghubungi bandar-bandar besar sebagai usaha mengatasi kesesakan lalulintas. Secara ringkas dan objektif, bincang perancangan tersebut di dalam konteks jenis-jenis penilaian di atas.
2. Beri huraian mengenai perkara-perkara berikut:
 - (a) Komponen-komponen major di dalam sesuatu projek awam (seperti pembinaan ampangan, hospital, lebuhraya, dll.)
 - (b) Sumber-sumber pembiayaan modal (kewangan) dan teknikal (termasuk kepakaran).
 - (c) Penilaian anda tentang kesan-kesan jangka panjang ke atas bentuk dan arah pembangunan ekonomi di negara-negara yang terlalu bergantung kepada pinjaman dan kepakaran luar negeri untuk membiayai projek-projek awam.
3. Kadar pulangan dalam (IRR) dan nilai kini bersih (NPV) adalah di antara kriteria-kriteria penilaian yang lazim digunakan.
Hurai secara perbandingan aspek-aspek kriteria penilaian tersebut.
 - (a) Definisi IRR dan NPV (ilustrasi graf dan algebra mudah harus digunakan).

(SBP 311)

- (b) Rasional dan kebaikan penggunaan kedua-dua kriteria.
- (c) Batasan dan masalah di dalam penggunaan kriteria-kriteria ini.
4. Analisis pulang modal digunakan sebagai alat merancang keuntungan sesuatu projek. Kaedah ini menganalisis hubungan-hubungan antara angkubah-angkubah penting di dalam keuntungan.
- Bincang pernyataan di atas dengan tumpuan kepada perkara-perkara berikut.
- (a) Definisi dan andaian-andaian asas.
 - (b) Angkubah-angkubah penting.
 - (c) Analisis geraf dan algebra.
 - (d) Kegunaan dan batasan analisis pulang modal.
5. Analisis kos-faedah dibina di atas asas-asas teori ekonomi kebaikan Neoklasik. Apakah rasional serta justifikasi teoritis analisis kos-faedah.
- Bentangkan secara kritikal dengan tumpuan kepada konsep-konsep berikut:
- (a) Keutamaan individu/sosial dan utiliti.
 - (b) Optimaliti Pareto dan kondisi-kondisi pencapaiannya.
 - (c) Fungsi kebaikan sosial.
 - (d) Harga pasaran, kos sut sebagai nilai benar faedah dan kos.
6. Apakah makna konsep kesan-kesan luaran dan barang-barang awam.
- Sebut dan huraikan jenis-jenis, dan punca-punca kesan-kesan luaran serta contoh barang-barang dan perkhidmatan awam.
- Mengapa perbincangan konsep-konsep ini penting di dalam analisis kos-faedah?
7. Tunjukkan bagaimana penilaian kos dan faedah boleh dilakukan di dalam analisis kos-faedah. Gunakan ilustrasi geraf dan formula umum kos-faedah.